



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

**LJT 6 Jld. 9/( 27 )**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)

laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

09 Oktober 2018

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

---

## SURAT PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2018

---

### SYARAT TAMBAHAN UNTUK PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN MENJALANKAN AMALAN 2019

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, Surat Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Bilangan 2 Tahun 2018 menyatakan bahawa firma Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang berstatus pemilikan tunggal boleh menukar nama firma kepada syarikat sendirian berhad. Selaras dengan surat pekeling tersebut maka Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) telah menerima beberapa permohonan daripada JTB untuk menukar nama firma masing-masing kepada syarikat sendirian berhad.

3. Dalam meneliti permohonan-permohonan tersebut, Lembaga dalam Mesyuaratnya ke-485 pada 27 September 2018 mendapati terdapat beberapa permohonan yang telah mendaftarkan *business description* mereka selain daripada ukur tanah dan geospatial dalam borang **SECTION 14** (*application for registration of a company*) yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

4. Dalam hubungan ini, bagi memastikan firma JTB hanya mendaftarkan syarikat sendirian berhad di bawah *business description* ukur tanah dan geospasial sahaja maka Lembaga telah menetapkan satu syarat tambahan bagi permohonan pembaharuan lesen menjalankan amalan 2019. Sehubungan dengan itu, selain daripada mata *Continuing Profesional Development* (CPD) yang mencukupi iaitu sebanyak 10 mata, JTB yang berpraktis di bawah firma berstatus sendirian berhad juga dikehendaki mengemukakan satu salinan borang **SECTION 14 dan SECTION 15** yang dikeluarkan oleh SSM semasa mengemukakan borang permohonan pembaharuan lesen 2019 kepada Lembaga.
5. Sekiranya JTB gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen seperti yang dinyatakan di **para 4** di atas maka permohonan lesen oleh JTB tidak akan diproses sehingga ianya diterima oleh pihak Lembaga.
6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



(SR HS ISMAIL BIN HARUN)  
Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

**Salinan Kepada:**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Presiden  
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia  
(PEJUTA)